



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS) DI BAWAH KAWALAN**

#### **JHEAINS**

- 1. Bilakah murid sekolah Tahfiz dan Pondok boleh kembali ke sekolah?**

Sesi persekolahan bagi sekolah Tahfiz dan Pondok akan bermula pada 3 Ogos 2020. Murid akan kembali ke asrama pada 2 Ogos 2020.

- 2. Adakah semua sekolah Tahfiz dan Pondok dibenarkan beroperasi semula?**

Semua sekolah Tahfiz dan Pondok yang berdaftar dengan JHEAINS dibenarkan beroperasi semula mengikut SOP yang telah ditetapkan.

- 3. Apakah rujukan yang digunakan sebagai panduan untuk memulakan sesi persekolahan?**

Pihak sekolah boleh menggunakan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah oleh JAKIM, JHEAINS dan KPM. Ketiga-ketiga Garis Panduan ini perlu dibaca secara bersama.

- 4. Adakah perlu dilaksanakan proses saringan COVID-19 sebelum kembali ke sekolah?**

Tidak. Warga sekolah hendaklah mengisi borang saringan kendiri yang dibekalkan oleh pihak KKM dan jika berkeperluan, khususnya bagi warga sekolah yang bergejala, hendaklah merujuk ke Pusat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran.

**5. Perlukah melaksanakan proses sanitasi kawasan sekolah sebelum sekolah dibuka?**

Tidak perlu.

**6. Adakah semua murid dibenarkan kembali ke sekolah?**

Ya, jika penjarakan sosial boleh dilakukan. Jika kapasiti asrama atau sekolah tidak membolehkan penjarakan sosial dilaksanakan, maka pihak sekolah hendaklah menetapkan kemasukan murid secara berperingkat dalam tempoh selang 14 hari.

**7. Adakah pelajar dibenarkan keluar (*outing*) atau pulang ke kampung?**

Murid tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah kecuali pulang ke rumah untuk sambutan Hari Raya Aidiladha.

**8. Berapa kerap imbasan suhu perlu diambil?**

Imbasan suhu bagi murid hendaklah diambil sekali (1) semasa datang ke sekolah dan sekali lagi (1) sebelum kembali ke asrama. Warga sekolah pula hendaklah membuat imbasan suhu setiap kali hendak memasuki kawasan sekolah.

**9. Bolehkah surau digunakan untuk solat berjemaah?**

Boleh digunakan dengan mengamalkan penjarakan sosial. Saf solat hendaklah ditandakan penjarakan sosial serta menetapkan satu (1)

pintu masuk dan satu (1) pintu keluar sahaja. Pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) hendaklah disediakan di tempat yang bersesuaian.

**10. Bagaimana mengukur penjarakan sosial?**

Satu (1) meter dari bahu ke bahu seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.

**11. Bolehkan makan menggunakan talam (dulang)?**

Tidak boleh kerana tidak mematuhi penjarakan sosial.

**12. Perlukah tanda penjarakan dan peringatan disediakan di kawasan sekolah?**

Tanda penjarakan dan pelan laluan terarah perlu disediakan dalam kawasan sekolah. Pihak sekolah digalakkan menampal bahan bercetak mengenai langkah-langkah pencegahan wabak serta langkah penjagaan kebersihan dan kesihatan seperti peringatan penjarakan sosial, penggunaan pelitup muka dan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).

**13. Adakah murid perlu memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kawasan sekolah?**

Tidak perlu. Hanya murid yang mempunyai imuniti badan yang rendah mesti sentiasa memakai pelitup muka sebelum masuk ke kawasan sekolah dan di sepanjang waktu persekolahan.

**14. Apakah aktiviti sukan yang dibenarkan?**

Aktiviti sukan yang dibenarkan adalah berbentuk kecergasan atau riadah yang tidak melibatkan sentuhan badan.

**15. Bagaimanakah makanan di dewan makan asrama disajikan?**

PGB hendaklah berbincang dengan pengendali dewan makan asrama sama ada untuk menyediakan makanan secara berbungkus atau dihidang dengan mematuhi kaedah penyajian yang bersih dan selamat.

**- TAMAT-**